

MAHU BUKA GELANGGANG

MENELITI kejayaan silat olahraga sepanjang musim '90, tidak manis jika pencinta silat tanah air melupakan pendekar sejati negara dari Bandar Diraja Klang, Ruzaidi Abdul Rahman.

Ini kerana Ruzaidi tidak mudah tenggelam seumpama pesilat kebangsaan lain selepas bintangnya bergemerlapan apabila mencipta sebutir daripada empat pingat emas pada Sukan SEA '89 di Kuala Lumpur.

B. Harian (M)
Selepas kejayaan itu, Ruzaidi, 25, berjaya mempamerkan persembahan lebih matang apabila membantu negara meraih pingat emas pada Pesta Sukan Merdeka Brunei, Mac lalu.

Ruzaidi berkata: "Saya sendiri tidak menduga dengan kejayaan sepanjang musim ini. Saya sekadar mempersiapkan diri bagi menghadapi setiap kejuaraan."

Bagaimanapun, katanya, Oktober adalah detik paling manis dalam hidupnya apabila menjuarai Kelas F Kejuaraan Silat Sedunia di Amsterdam, Belanda.

"Tiada yang paling mahal dalam sejarah hidup saya apabila diisytihar pemenang perlawanan akhir di Belanda. Kemenangan itu menyemarakkan semangat saya untuk terus berlatih lebih giat," kata anak muda dari Kampung Meru, Klang itu.

Ruzaidi mengakui bahawa bukan mudah untuk mempertahankan sebuah 'mahkota' kejuaraan daripada berusaha merampas gelaran.

Katanya, menyedari hakikat itu dia terpaksa bertungkus lumus pagi dan petang bagi menjalani latihan secara persendirian.

"Saya tidak mengharapkan latihan pusat kebangsaan semata-mata kerana ia tidak memadai jika mahu kekal sebagai juara. Oleh itu, saya terpaksa mengorbankan waktu tidur saya pada waktu subuh untuk berjogging," jelasnya.

Ruzaidi menamatkan pertandingan musim '90 pada Kejuaraan Silat Terbuka Malaysia awal bulan ini.

Sekali lagi, dia merajai Kelas F selepas mengecewakan pesilat dari Belgium, Hans.

"Saya akui mutu pesilat dari Eropah mula berada ditahap tinggi. Langkah mereka di gelanggang tidak lagi sumbang. Malah, jika dibandingkan dengan pesilat rantau sebelah sini, mereka begitu canggih mengerakkan langkah silat sejati," kata pemenang pingat emas Sukan SEA '89 itu.

Ruzaidi belum mempunyai pekerjaan tetap. Hasil persembahan meyakinkan dia mendapat imbuhan bulanan menerusi Skim Pe-

DI LUAR NEGARA



SEKALUNG BUDI



- **JANUARI:** Pingat emas Kejuaraan Silat Selangor
- **FEBRUARI:** Pingat emas Kejuaraan Silat Kebangsaan
- **MAC:** Pingat emas Pesta Sukan Merdeka Brunei
- **OKTOBER:** Pingat emas Kejuaraan Silat Sedunia
- **DISEMBER:** Pingat emas Kejuaraan Silat Terbuka Malaysia

rangsang Majlis Sukan Negara (MSN).

"Walaupun sumbangan MSN itu kecil, saya bersyukur kerana MSN itu turut menghargai kemampuan saya. Tidak ada apa yang saya mahu kritik MSN dengan pemberian itu kerana ia adalah rezeki bagi menampung latihan harian," katanya.

Menurutnya, tanpa galakan daripada MSN, ibu bapa, rakan-rakan dan jurulatih, keupayaannya tidak akan ke mana.

"Saya sudah menunggu terlalu lama untuk berada dalam skuad utama kebangsaan. Selepas tiga tahun menjadi naib juara, hasrat saya tercapai tahun lalu dan diberi kepercayaan bertanding pada Sukan SEA Kuala Lumpur.

"Tiada yang terlalu mengembirakan dengan berita itu. Memang itu yang saya tunggu selepas sekian lama mencuba. Akhirnya, saya berjaya meraih pingat emas. Waktu itu, tidak ada perkataan yang lebih indah untuk saya ceritakan kecuali hati saya mengetahuinya," katanya.

Ruzaidi berkata: "Tiada ada rahsia atas kejayaan ini kecuali dengan mendisiplin diri. Tanpa disiplin yang kuat, kejayaan yang dicapai tidak akan kekal lama.

"Saya mahu kejayaan ini berterusan hingga ke tahun depan. Matlamat saya ialah mahu menjuarai semua kejuaraan bertaraf antarabangsa terutama Sukan SEA Manila," katanya.

Bagaimanapun, Ruzaidi turut menyimpan keraguan yang berla-

rutan terutama apabila setiap kali menjelang Kejuaraan Kebangsaan.

"Walaupun kita berjaya di gelanggang antarabangsa, tidak bermakna terlalu mudah menjuarai kejuaraan kebangsaan. Ini yang menakutkan saya." **3. Harian (M)**

"Ramai pesilat negara kecundang di kejuaraan kebangsaan, sekalipun mereka adalah juara dunia. Contohnya, pesilat terbaik dunia, Wan Aminuddin Baki Abu Bakar, Khairi Abdul Rahaman, Fauzi Othman dan Azam Mokhtar.

"Ini bermakna saya perlu berhati-hati. Kebanyakan pesilat negeri berusaha untuk menjatuhkan juara dunia atau antarabangsa lain semata-mata untuk mencari nama sekalipun terpaksa menggunakan teknik yang salah.

"Tetapi apabila mereka berpe-

luang bertanding di peringkat antarabangsa, kewibawaan sebenar tidak menyerlah. Ini satu kesilapan besar yang boleh menjejaskan keunggulan sebenar silat negara," katanya.

29 DEC 1990
Sungguhpun begitu, Ruzaidi berpendapat mutu silat olahraga di negara ini mula berada ditahap membanggakan hasil kesedaran semua pihak.

"Bagi saya, latihan tetap diteruskan bagi menghadapi cabaran lebih hebat tahun depan. Saya mahu mempertahankan kejuaraan. Jika saya membuat keputusan bersara nanti, biarlah kedudukan saya sebagai juara.

"Selepas itu, saya mahu menjadi jurulatih profesional bagi mengembangkan silat ke luar negara terutama di Asia Tengah," kata Ruzaidi.